

Tulis karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 180 patah perkataan**.

Kitar semula barangan merupakan suatu bentuk pengurusan kewangan yang baik.

Anda akan menyertai suatu pertandingan syarahan. Tajuk syarahan tersebut ialah “Kitar Semula Dapat Mengurangkan Pembaziran”. Lengkapkan teks syarahan dengan frasa yang sesuai.

SP 3.3.1

(KBAT) Menganalisis, Mencipta

[30 markah]

pengumpulan tin-tin kosong
berat tin yang dikutip
kitar semula barangan yang terpakai
dapat digunakan lagi
diproses menjadi barangan baharu
tukun tiruan

Mengumpulkan Tayar-tayar Terpakai
pelbagai jenis barang
bekas atau bungkusannya
bertimbun setiap hari
pembuangan sampah akan berkurang
digunakan semula

Selamat pagi saya ucapkan kepada Yang Berusaha Tuan Guru Besar, Encik Habibi Abdullah, guru-guru, dan rakan-rakan yang saya hormati. “Kitar Semula dapat Mengurangkan Pembaziran”, adalah tajuk syarahan saya pada hari ini.

Hadirin sekalian,

Setiap hari kita menggunakan (1) _____. Biasanya, apabila sesuatu barang itu habis digunakan kita akan membuang (2) _____.

Akibatnya, kita terpaksa membuang sampah yang (3) _____.

Barang-barang yang dibuang itu ada yang masih (4) _____. Melalui proses kitar semula, banyak barang terpakai yang dapat (5) _____

_____ untuk kegunaan harian. Misalnya, bekas plastik, kotak, kertas, pembalut, dan sebagainya dapat diproses menjadi barang-barang baharu.

Pihak berkuasa turut mengambil langkah mengumpulkan barang-barang terpakai untuk (6) _____. Misalnya, kerajaan pernah melancarkan Kempen (7) _____. Tayar-tayar tersebut digunakan sebagai (8) _____. Dengan adanya tukun-tukun tiruan ini hasil penangkapan ikan lebih banyak daripada hasil pada tahun-tahun sebelumnya. Suatu projek (9) _____ pernah dilancarkan juga. Pengumpul-pengumpul tin ini akan dibayar menurut (10) _____.

Hadirin sekalian,

Jelaslah bahawa (11) _____ menguntungkan semua pihak. Selain itu, alam sekitar akan terpelihara kerana (12) _____. Sehubungan dengan itu, pencemaran dapat dielakkan.

Saya akhiri syarahan saya dengan kata-kata, jangan disangka yang buruk itu tidak berguna, berfikirilah dahulu sebelum anda membuang bekas yang telah kehabisan isinya. Sekian terima kasih.